



**PENYALAHGUNAAN AYAT AL-QURAN DAN PENYELEWENGAN PUSAT
PENGUBATAN ISLAM DI MALAYSIA
[THE MISUSE OF QURANIC VERSES AND DEVIANT OF ISLAMIC MEDICAL
CENTRE IN MALAYSIA]**

*¹Monika @ Munirah Abd Razzak, ²Khadher Ahmad, & ³Nik Mohd Zaim Ab Rahim

^{1,2}Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,
Kuala Lumpur, Malaysia

³Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Teknologi
Malaysia Kampus Kuala Lumpur, Malaysia

*Corresponding author: munirahar@um.edu.my

Received: 2 Aug 2019,

Accepted: 15 Nov 2019

ABSTRAK

Mutakhir ini, banyak isu-isu berkaitan Islam mendominasi kehidupan masyarakat Malaysia. Masyarakat Muslim khususnya, sering berhadapan dengan pelbagai polemik dan persoalan-persoalan terutamanya perkara-perkara yang bersangkutan-paut dengan isu ekonomi, politik dan sosial. Antara isu hangat ialah isu sensitiviti agama yang berkaitan penyalahgunaan ayat al-Quran sebagai medium untuk melariskan jualan perkhidmatan dan produk. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan ayat-ayat al-Quran yang telah salah digunakan bagi kepentingan peribadi dalam kalangan pengamal pengubatan Islam di Malaysia. Melalui metode temu bual dan observasi, kajian ini dijalankan di zon utara dan zon timur Malaysia untuk mewakili sampel rawak kajian bagi Pusat Pengubatan Islam. Sebanyak 36 orang pengamal dan 45 orang pesakit dari Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Terengganu dan Pahang telah ditemu bual dan dijalankan observasi untuk mendapatkan data.

Hasil kajian mendapati bahawa penyalahgunaan ayat-ayat al-Quran dalam kalangan pengamal pengubatan Islam di Malaysia berlaku dalam empat aspek. Pertama, ayat al-Quran yang digabungkan dengan jampi serapah yang tidak difahami sehingga bercampur aduk dan mengelirukan. Kedua, ayat al-Quran yang dibacakan secara terbalik (iaitu bacaan bermula dari belakang ke pangkal ayat) yang juga dijadikan sebagai bacaan ruqyah atau jampi kepada pesakit. Ketiga, al-Quran atau ayatnya dijadikan sebagai azimat yang digunakan sebagai tangkal untuk menolak bala; dan keempat naskhah al-Quran atau sebahagian helaiananya dijadikan sebagai bahan untuk berdamping dengan makhluk halus. Tegasnya, dapatan membuktikan wujudnya sebahagian para pengamal menyalahgunakan ayat al-Quran dalam amalan pengubatan mereka. Justeru dengan menjelaskan fungsi al-Quran secara tepat kepada masyarakat dan pemantauan terhadap pusat perubatan Islam oleh pihak berkuasa, diharapkan penyalahgunaan ayat Quran tidak akan berlaku lagi.

Keywords: Al-Quran, Malaysia, penyalahgunaan, penyelewengan, pusat pengubatan Islam

ABSTRACT

Recently, many issues related to Islam have dominated the Malaysian's societies. Muslim societies, are often faced various polemics and concerns, especially those relating to economic, political, and social issues. One of provocative issues is the concern of religious sensitivity related to the misuse of Quranic verses as a medium in the pursuit of service and product sales. This article aims to study the Quranic verses which have been misused for personal purpose among medical Islamic practitioners in Malaysia. Through the methods of interview and observation, the study was conducted in the northern and eastern zones of Malaysia to represent a random sampling from the Islamic Medical Center. A total of 36 practitioners and 45 patients from Perlis, Kedah, Penang, Perak, Kelantan, Terengganu and Pahang were interviewed and observed for data collecting purposes. This present study found that the misuse of Quranic verses among medical Islamic practitioners in Malaysia occurred in four aspects. First, Quranic verses are combined with an unintelligible spell which create confusion. Second, the Quranic verses are read in reverse in which the reading begins from the end to the beginning of the verse which is also used as a ruqyah or spell to treat the patient. Third, Quranic verses are used as a charm to resist calamity; and forth, Quranic recitation or parts of its page is used as a material to accompany the supernatural. In fact, the findings prove that some practitioners have misused Quranic verses in their practice of Islamic medicine. Thus by explaining the function of the Quran accurately to the community and monitoring the Islamic

medical center by the authorities, it is hoped that the misuse of Quranic verses will not be repeated.

Keywords: Al-Quran, deviation, Islamic medical center, Malaysia, misuse

Cite as: Abd Razzak, M. M., Ahmad, K., & Ab Rahim, N. M. Z. (2019). Penyalahgunaan ayat al-Quran dan penyelewengan dalam pusat pengubatan Islam di Malaysia [The misuse of Quranic verses and deviant of Islamic medical centre in Malaysia]. *Journal of Nusantara Studies*, 4(2), 429-448. <http://dx.doi.org/10.24200/jonus.vol4iss2pp429-448>

1.0 PENGENALAN

Al-Quran adalah kitab suci yang diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada umat Muhammad s.a.w. Umat Islam digalakkan membaca dan merenungi ayat-ayat al-Quran kerana ia mengandungi petunjuk dan panduan serta mukjizat yang agung. Dengan menelusuri sejarah juga, umat Islam mengetahui bahawa Rasulullah s.a.w telah diajar membaca al-Quran oleh malaikat Jibril a.s ketika beribadah seorang diri di gua Hira' (Al-Buti, 1991). Setelah itu, Rasulullah s.a.w memulakan pengajaran al-Quran secara *talaqqi mushafahah* kepada para sahabat di rumah baginda sendiri dan rumah al-Arqam bin Abi Arqam. Pengajaran al-Quran ini berterusan dan berkembang ke Madinah dengan adanya rombongan yang datang bertemu baginda lalu beriman dengan ajaran Islam (Kamarul & Che Noh, 2013). Apabila baginda berhijrah ke Madinah, ia menjadi semakin berkembang dengan berlakunya pentafsiran pada ayat-ayat al-Quran kerana tuntutan ingin mendalami firman Allah dan beramal dengan ajarannya. Walau bagaimanapun, masih terdapat sebahagian masyarakat Malaysia yang menyalahguna ayat al-Quran bagi pelbagai tujuan sebagaimana yang dapat dilihat dalam paparan akhbar utama sehingga menimbulkan persoalan bagaimana perkara ini boleh terjadi dalam keadaan pengajian al-Quran dan tafsir semakin kukuh dan mantap.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Pemaparan isu sensitiviti agama oleh media sebenarnya membimbangkan pelbagai pihak kerana kebanyakan persepsi masyarakat dibentuk menerusi pengaruh media. Ini ditegaskan oleh Hassan (2013) dan menurutnya penerbitan beberapa filem berunsur Islamofobia seperti filem "Innocence of Muslim", jelas menghina Islam dan Rasulullah s.a.w serta menunjukkan salah faham terhadap agama Islam itu sendiri. Ia berikutan beberapa insiden keganasan yang berlaku di dunia seperti peristiwa 11 September 2001 di bandar New York yang mengorbankan

kira-kira 2,996 nyawa. Seterusnya peristiwa pengeboman di Madrid pada 11 Mac 2004 pula melibatkan 191 orang dan sebagainya yang dikaitkan dengan terrorisme.

Rentetan itu, prinsip kebebasan beragama dan hak asasi manusia yang berlaku di Malaysia juga menyebabkan timbulnya kecenderungan dalam kalangan umat Islam mengemukakan pelbagai pandangan dan tafsiran peribadi terhadap sesuatu isu agama yang akhirnya menyebabkan salah faham terhadap ajaran agama (Abdullah, 2017). Kebebasan ini mencelaruhan pemikiran segelintir umat Islam, akibatnya timbullah gejala murtad, contohnya seperti yang ditegaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom bahawa Mahkamah Syariah telah menerima 863 kes permohonan untuk menukar status agama Islam dari tahun 2000 hingga 2010 (Al-Hiss, 2011).

Selain daripada isu tersebut, terdapat lagi beberapa kes yang melibatkan perbuatan menghuraikan teks-teks Al-Quran sewenang-wenangnya mengikut nafsu atau kepentingan tertentu yang dilaporkan dalam Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (Tindakan salah guna ayat, 2011). Dalam masa yang sama, kajian isu penyalahgunaan unsur Islam dalam perniagaan mendapati bahawa terdapat beberapa penyalahgunaan melibatkan penjualan produk antaranya membabitkan penggunaan ayat al-Quran. Perkara ini serius kerana boleh memberi kesan yang buruk kepada pengguna (Osman, 2019).

Tambah pula, ia semakin meningkat dengan penyalahgunaan ayat al-Quran sebagai pelaris jualan oleh syarikat atau peniaga seperti membaca ayat al-Quran pada produk (Baca ayat al-Quran pada produk, 2016), dijadikan tangkal atau azimat, ubat pengasih bagi pasangan yang bermasalah, jampi serapah oleh tukang bomoh, malah lebih teruk dari itu sebagai lirik lagu seperti apa yang terjadi di Korea (Arrahmah, 2014). Manakala menurut kajian Mardiana Abdul Ghani (2004) pula, isu penyalahgunaan ayat al-Quran juga berlaku secara berleluasa dalam aspek perubatan.

Penyalahgunaan ayat al-Quran yang semakin parah ini menyebabkan pihak kerajaan dengan kerjasama pihak yang bertanggungjawab terpaksa mengambil pendekatan menguatkuasakan akta perdagangan untuk memastikan isu ini dapat dibendung. Terbaharu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDHEP) menyerbu sebuah 'food truck' yang didakwa menyalahguna ayat al-Quran bagi mengaburi mata pelanggan (Yahya, 2018). Kesemua ini mencerminkan masyarakat Islam masih melakukan perkara yang bercanggah dengan tuntutan agama yang sebenar serta masih lagi terdapat segolongan mereka yang kurang memahami tentang matlamat dari penurunan al-Quran.

Justeru artikel ini akan mengkaji penggunaan ayat-ayat al-Quran dalam kalangan pengamal pengubatan Islam di Malaysia yang telah salah digunakan bagi kepentingan peribadi. Menurut Baharuddin (1993), perubatan Islam merupakan suatu bentuk sistem perubatan yang telah dikonsepskan serta dibina oleh orang-orang Islam pelbagai bangsa dari permulaan zaman Islam hinggalah sekarang. Namun, di Malaysia secara khusus, takrifan paling tepat ialah cara perubatan alternatif yang mampu menyediakan kaedah rawatan pelengkap apabila kaedah perubatan sedia ada tidak mampu menampung atau membantu merawat dan menyelesaikan masalah sedia ada. Apabila dikaitkan dengan Islam, ia merujuk kepada khidmat rawatan yang disediakan itu menjadikan syariat sebagai landasan utama dalam proses penyediaan dan pelaksanaannya. Pada kebiasaannya pengamal melakukan rawatan bagi gangguan makhluk halus, bekam sunnah dan rawatan fizikal dan spiritual.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan rekabentuk kajian kes yang dijalankan di Pusat Pengubatan Islam di Malaysia yang terdiri daripada pusat rawatan ruqyah syar'iiyyah, bekam dan batin. Dalam hal ini, zon utara dan zon timur Malaysia telah dipilih untuk mewakili sampel rawak kajian bagi mengenal pasti dan meneliti praktik dan amalan pengubatan mereka. Zon utara termasuklah negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Manakala zon timur pula Kelantan, Terengganu dan Pahang. Secara keseluruhan terdapat 36 pusat pengubatan Islam. Satu di Perlis, 10 di Kedah, 8 di Pulau Pinang dan 5 di Perak. Bagi negeri Kelantan dan Terengganu, masing-masing ialah 5 dan 2 di Pahang.

Berikut adalah pusat pengubatan Islam yang terdapat pada dua zon tersebut iaitu Pusat Perubatan Islam Al-Islah, Pusat Rawatan Islam Al-Mustaqim, Pusat Rawatan Alam Ghaib, Azlina Terapi Tradisional (138 Beauty Centre), Pusat Rawatan Aura Zikir, Pusat Rawatan Qalbun Sakinah, Pusat Rawatan Alternatif Aura Nur Hikmah, Pusat Rawatan Tradisional Jabal Nur, Pusat Rawatan Amal, Pusat Rawatan Terapi Al-Qur'an Darul Hikmah, Pusat Terapi Ruqyah Syar'iiyyah, Pusat Rawatan Islam Al-Hidayah, Darussyifa' Cawangan Pulau Pinang, Islamic Medical Center Nurussyifak, Nur Zikir Islamic Medicare, Rawatan Islam Darul Mualij, Rawatan Islam Annajah, Pusat Perubatan Islam Mughni D'Syifa, Treatment Center Alhijamah Onewahida, Pusat Rawatan Islam dan Tarbiah Ilmu Darun Nuraniyyah, Pusat Rawatan Al-Qur'an- Akupunktur, Bekam, Homeopati ArRidhwan, AZBUDI Pusat Perubatan Homeopati dan Naturopati, Pusat Rawatan Islam Al-Taqwa, Pusat Rawatan Islam Ruqyah Isra', Pusat Rawatan Tradisional Al-Tunjuniah Al-Fununiah, Pusat Rawatan Tradisional Khairey, Pusat Rawatan Tradisional dan Bekam, Pusat Rawatan Walinur Syifa',

Pusat Rawatan Qalbun Asrar, Pusat Rawatan Ikhtiar Darul Syifa' (PURIDAS), Pusat Perubatan Holistik dan Alternatif, Pusat Rawatan Komplimentari Al-Syufia: Bekam dan Refleksologi, Pusat Rawatan Islam Darul Manzil (RIDAM), Pusat Rawatan Islam Badan Ukhwah Darul Iman – (BUDI LOSONG), Pusat Rawatan Islam Kiswah: Terapi Ruqyah Syar'iyah serta Pusat Rawatan As-Syifa'.

Oleh itu, metode temu bual dan observasi secara turut serta telah digunakan untuk memperolehi data. Fokus utama perbincangan adalah mengenal pasti penggunaan ayat-ayat al-Quran dalam kalangan pengamal pengubatan Islam di Malaysia yang telah disalahgunakan bagi kepentingan peribadi. Temu bual secara turut serta atau bersemuka telah dijalankan kepada pengamal atau perawat bermula bulan Januari sehingga Mac 2019. Temu bual dengan pengamal dilakukan selama 30 minit seorang manakala temu bual dengan pesakit ialah purata 15 minit untuk seorang pesakit.

Metode temu bual ini digunakan untuk mendapatkan maklumat secara langsung daripada pengamal pusat pengubatan Islam. Set soalan separa berstruktur telah dibina bagi menyelaraskan soalan temu bual kepada pengamal yang menjadi subjek kajian. Turut sama diajukan adalah soalan-soalan tambahan yang dibuat secara spontan. Set soalan ini juga telah melalui proses pengesahan dari pakar berkaitan bagi menjamin kesahan soalan yang dikemukakan. Dalam menjalankan kaedah ini, pita rakaman dan kamera video telah digunakan sebagai alat pembantu kelancaran temu bual agar maklumat yang tepat diperolehi. Data-data yang dikutip menggunakan metode ini melibatkan data-data penting seperti jenis rawatan yang disediakan, kaedah rawatan yang dipraktikkan dan lain-lain lagi.

Selanjutnya data temu bual yang dirakam telah dibuat transkripsi dengan lengkap menerusi penggunaan perisian NVIVO bagi menganalisis data. Selain itu, analisis secara tematik telah digunakan bagi memperolehi data yang berkualiti. Manakala bagi data observasi secara turut serta, telah dianalisis menggunakan analisis secara tematik bagi memastikan penemuan bersifat sistematik dan teratur dengan menggunakan buku nota yang disediakan khas untuk mencatatkan proses tersebut.

4.0 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Sebelum meneliti lebih dalam berkaitan dengan isu penyalahgunaan ayat dan penyelewengan yang berlaku di pusat pengubatan Islam, adalah lebih baik diketahui berhubung faktor penubuhan pusat tersebut. Melalui temu bual yang dijalankan faktor utama penubuhan adalah atas dasar khidmat atau membantu masyarakat yang menderita kesakitan, penyakit, gangguan mistik dan lain-lain. Para pengasas pusat tersebut terpanggil untuk menubuhkannya kerana

masih berlaku lagi amalan santau dan sihir pada masa kini. Manakala faktor kedua ialah permintaan anggota masyarakat yang semakin hari semakin ramai juga menggalakkan pertumbuhan pusat pengubatan Islam. Asalnya mereka merawat orang ramai atas dasar suka-suka dan ingin membantu, akan tetapi mempunyai kemahiran dan kaedah rawatan pula terbukti mujarab, golongan inilah yang selalunya didorong oleh kehendak masyarakat agar membuka sebuah pusat pengubatan Islam khusus untuk menyenangkan proses rawatan tanpa perlu pesakit bersesak-sesak ke rumah pengamal tersebut.

Faktor ketiga pula berkaitan asal silah keturunan dari keluarga yang mahir merawat juga mendorong para pengamal pengubatan Islam yang terkemudian untuk membuka pusat tersebut. Ia biasanya diwarisi daripada ayah, ibu, datuk dan nenek lantas mempengaruhi generasi terkemudian yang ingin meneruskan legasi keluarga mereka. Sementara faktor keempat ialah amanat dari para guru, ibu bapa serta alim ulama. Namun, ini tidak begitu banyak, akan tetapi ia tetap dipuji kerana menunaikan dan melaksanakan amanah yang diberikan dengan penuh sabar dan tabah. Selain itu, faktor kelima ialah ia ditubuhkan khusus untuk membiayai sekolah anak-anak yatim dan pondok. Hal ini dilakukan dengan menyalurkan wang yang diperolehi daripada rawatan yang dijalankan di pusat tersebut untuk kesenangan dan manfaat orang lain. Manakala faktor terakhir ialah kepuasan diri iaitu ia diasaskan atas dasar kepuasan sendiri yang mahu menegakkan cara rawatannya yang tersendiri dan mahu meluaskan pengaruhnya dalam bidang rawatan Islam sekali gus ia dapat merawat dengan caranya tersendiri.

Menerusi observasi dan temu bual, kajian mendapati kaedah rawatan dan perkhidmatan rawatan yang ditawarkan adalah dalam pelbagai bentuk. Berpandukan kajian yang telah dijalankan oleh Md Ariffin (2013), pengkaji turut menemui unsur amalan pengubatan dan rawatan yang salah berhubung kait dengan elemen khurafat dan tahyul yang terdapat pada pusat pengubatan Islam tersebut iaitu seperti penggunaan jampi serapah, tangkal azimat, sihir, menghadirkan roh, berdamping dengan jin dan bantuan pengantara untuk hajat dikabulkan. Namun ini tidak menafikan dari 36 pusat pengubatan Islam itu, ada yang menepati panduan syariat dan menjadikan al-Quran dan hadith sebagai sumber rujukan seperti di pusat pengubatan Islam Perlis dan Pahang.

Sementara perkhidmatan yang ditawarkan oleh pusat pengubatan Islam tersebut yang paling banyak ialah kaedah rawatan bagi penyakit fizikal. Hal ini kerana ia mendapat permintaan yang tinggi dari masyarakat. Malah ramai pesakit yang datang setiap hari mencari kesembuhan bagi penyakit fizikal seperti patah tulang, batu karang, barah darah tinggi, strok dan kencing manis. Pada kebiasaannya pesakit yang datang berubat di pusat rawatan Islam

ialah golongan yang menghidap penyakit kronik, sudah tiada harapan untuk sembuh dan putus asa dengan kaedah rawatan secara klinikal. Selain itu, perkhidmatan untuk menyelesaikan masalah gangguan mistik seperti saka, sihir, jin dan rasukan juga merupakan perkara wajib yang perlu ada pada kebanyakan pusat pengubatan Islam. Ini menyamai dapatan yang diperolehi oleh Md Ariffin (2015). Bagi penyakit yang mempunyai masalah psikologi seperti depresi, kemurungan, histeria, tekanan perasaan, dan lain-lain masalah yang berkaitan gangguan fikiran, juga diberi perhatian. Namun ia memerlukan kekuatan diri pesakit untuk mengatasinya. Para perawat pada kebiasaannya akan memberi khidmat nasihat agar pesakit lebih mendekatkan diri pada Allah SWT selain turut dibekalkan dengan bacaan amalan dan air penawar kepada pesakit. Manakala perkhidmatan bekam di sediakan secara khusus dan sedikit ditawarkan di pusat pengubatan Islam kerana kebanyakan pusat memberi penumpuan yang lebih kepada perkhidmatan mengubati masalah gangguan mistik, masalah psikologi dan fizikal. (Ahmad, Yusuf, & Md Ariffin, 2014)

Justeru fokus kajian ini adalah meneliti penggunaan ayat al-Quran sebagai sumber dan rawatan dalam pengubatan mereka. Sebahagian besar pengamal tersebut telah menggunakan ayat al-Quran sebagai sumber dan rawatan. Walau bagaimanapun, menerusi observasi proses rawatan menerusi ayat al-Quran tersebut ada yang menepati garis panduan al-Quran dan hadith dan ada yang telah disalahguna. Oleh itu, boleh dirumuskan penyalahgunaan ayat-ayat al-Quran dalam kalangan pengamal pengubatan Islam di Malaysia berlaku dalam empat aspek iaitu seperti berikut:

Pertama: Ayat al-Quran digabungkan dengan jampi serapah yang tidak difahami sehingga bercampur aduk dan mengelirukan.

Walaupun kesedaran dalam kalangan masyarakat Islam pada masa kini terhadap peranan pengubatan Islam adalah amat tinggi di samping penerimaan mereka terhadap pengubatan Islam sebagai medium rawatan pelbagai jenis penyakit (Ahmad, 2016), itu bukanlah satu justifikasi untuk masyarakat menutup mata dari penyelewengan yang berlaku pada pusat tersebut. Sebahagian pengamal pasti menggunakan peluang ini dengan mendakwa khidmat rawatan yang ditawarkan adalah berasaskan pengubatan Islam yang sebenar, tetapi hakikatnya mereka merupakan pengamal pengubatan tradisional atau disebut sebagai bomoh, pawang dan dukun. Dalam observasi yang dijalankan terhadap sebuah pusat rawatan di Kelantan, pengamalnya melakukan rawatan dengan menggunakan jampi yang tidak diketahui kerana disebutkan secara sembunyi (atau *sirr*-rahsia), tetapi didahului dengan beberapa patah ayat al-Quran termasuk *Bismillah* dan kalimah zikir *La Ilaha Illa Allah*.

Demikian juga terdapat seorang pengamal pengubatan Islam di Kemaman Terengganu, yang mendakwa bahawa tidak salah untuk menggunakan jampi dalam bahasa tertentu bagi tujuan kesembuhan. Pun begitu, pada masa yang sama beliau juga membacakan ayat-ayat al-Quran dalam rawatan di samping jampi daripada dirinya sendiri. Daripada hasil observasi yang dijalankan, jampi yang sering digunakan oleh pengamal tersebut adalah seperti berikut:

Hey Senggoro. Aku sembahkan 7 ekor jin. Di atas batu putih. Terlak hitam. Di bawah atap separuh. Dengan berkat lailahaillallah, Muhammadurrasulallah

Pada pandangan pengkaji, sekalipun didakwa oleh pengamalanya bahawa beliau memahami dengan jelas jampi ini ketika mana digunakan dalam rawatan, tetapi tidak kepada orang yang dirawat atau kepada orang yang mendengar jampi tersebut. Sudah pasti di sisi masyarakat, ia tidak boleh disebarkan kerana pengetahuan mereka terhadap jampi tersebut tidak ada. Bahkan keadaan itu akan mendatangkan kecenderungan terhadap kepercayaan masyarakat kepada sesuatu kuasa selain Allah SWT. Oleh sebab itu, Nabi SAW awal-awal lagi telah memberi peringatan tentang jampi dan meletakkannya sebagai sesuatu yang boleh membawa kepada amalan mensyirikkan Allah SWT. Diriwayatkan daripada ‘Abd Allah RA, telah berkata:

إِنَّ الرُّقَى وَالتَّمَائِمَ وَالتَّوَلَةَ شِرْكٌ.

Terjemahan: “Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: “*Sesungguhnya jampi, tangkal dan ilmu pengasih adalah syirik.*” (Ibn Majah, 1417H, no. 3530)

Menurut, al-Shaykh ‘Abd Allah al-Jabrayn, ketika ditanya tentang hukum menjampi menggunakan selain daripada al-Quran dan hadith, beliau menyatakan bahawa dalam persoalan ini, tidak menjadi larangan untuk menjampi menggunakan jampi selain daripada jampi-jampi yang diambil daripada al-Quran dan hadith Nabi SAW serta doa-doa yang *ma'thur*. Namun demikian, syarat bacaan dan lafaz-lafaz dalam jampi tersebut boleh difahami maknanya dan tidak ada lafaz yang mengandungi unsur-unsur syirik kepada Allah. Bahkan, diyakini bahawa bukan jampi tersebut yang memberikan kesan kesembuhan penyakit itu, melainkan kesembuhan itu adalah daripada Allah SWT semata-mata. (Ibn Baz *et.al*, 1996). Manakala al-Rabi‘ pernah berkata:

Aku telah bertanya kepada al-Imam al-Shafi'i tentang bacaan jampi. Maka beliau menjawab: "Tidak mengapa untuk kamu menjampi dengan kitab Allah (al-Quran) dan dengan apa yang diketahui berupa zikir-zikir (kepada) Allah SAW." (Al-'Azim, 1969; Al-Tibrizi, 1985)

Menurut Musa al-Fifi (t.t.), yang dimaksudkan dengan jampi syirik tersebut adalah jampi-jampi yang diharamkan dan mengandung unsur syirik yang digunakan pada zaman Jahiliyyah dan mengandung unsur pertolongan daripada jin dan memohon bantuan daripada mereka. Manakala, maksud jampi yang diharamkan tersebut adalah merujuk kepada jampi yang mengandung unsur sumpah kepada selain Allah SWT. Bagi Ibn Taymiyyah, larangan menggunakan jampi yang mengandung unsur syirik adalah seperti memohon pertolongan daripada jin sebagaimana yang difahami daripada ayat enam surah al-Jinn yang bermaksud:

Dan bahawa sesungguhnya adalah (amat salah perbuatan) beberapa orang dari manusia, menjaga dan melindungi dirinya dengan meminta pertolongan kepada ketua-ketua golongan jin, kerana dengan permintaan itu mereka menjadikan golongan jin bertambah sombong dan jahat.

Kedua: Ayat al-Quran yang dibacakan secara terbalik (iaitu bacaan bermula dari belakang ke ayat awal) yang juga dijadikan sebagai bacaan ruqyah atau jampi kepada pesakit.

Bentuk kedua yang biasa dilakukan sebagai salah satu bentuk penyelewengan yang berlaku dalam kalangan pengamal pengubatan adalah ayat al-Quran dibaca secara terbalik, iaitu dibaca daripada belakang ke awal ayat. Tujuan utama dilakukan demikian adalah bagi menimbulkan sifat kekufuran atau senantiasa dalam keadaan kufur dengan matlamat untuk mendampingi jin atau syaitan yang jahat. Dengan itu, pengamal tersebut akan mendapat bantuan atau pertolongan daripada makhluk halus.

Seperti diketahui, amalan sebegini asalnya adalah daripada kalangan pengamal pengubatan tradisional perbomohan yang mana bertujuan untuk mendapat pertolongan daripada makhluk halus bagi tujuan membantu dalam rawatan yang dijalankan. Amalan membawa ayat tersebut secara terbalik dengan sengaja adalah sebagai tanda menghina ayat al-Quran dan penyelewengan itu akan menambahkan sifat kekufuran dan mencenderungkan makhluk halus tersebut. Hasil dari observasi di beberapa pusat pengubatan Islam di Perak, Kedah, Pulau Pinang, Kelantan dan Terengganu mendapati para pengamal biasa membaca beberapa surah pendek dalam al-Quran seperti surah al-Ikhlâs dan al-Fatihah. Mereka

menterbalikkan bacaan bagi surah tersebut bermula daripada ayat terakhir.

Membaca ayat-ayat al-Quran secara songsang, terbalik atau mendahulukan membaca ayat yang terkemudian menurut ‘tertib’ al-Quran daripada ayat yang terdahulu. Contoh pertama ialah membaca terbalik ayat ke ayat bermula daripada ayat akhir ke ayat awal seperti mengikut turutan 5, 4, 3, 2 dan 1 pada satu surah dalam Al-Quran. Manakala kedua membaca terbalik himpunan ayat ke himpunan ayat seperti membaca ayat 6-10 surah al-Baqarah dan seterusnya membaca ayat 1-5 surah yang sama dalam satu bacaan berterusan.

Jika dirujuk kepada perbincangan para ulama, dalam istilah Arab disebutkan sebagai “*Tankis al-Ayah*” (Tankis Ayat) atau *Tankis al-Kalimat*. Al-Sheikh Dr. ‘Abd Allah bin Hamud al-Farih menyatakan berkaitan dengan hukum membaca ayat dan surah al-Quran secara songsang (*al-Tankis fi Qira’at al-Qur’an*) yang terdiri daripada dua bahagian iaitu pertama songsang dari sudut kalimah atau istilah-istilah ayat al-Quran (al-Tankis al-Kalimat); dan kedua songsang dari sudut susunan surah. Berhubung dengan hukum membaca ayat secara songsang dari sudut tartib (susunan) kalimat atau ayat dalam suatu surah beliau menyatakan bahawa ia adalah haram.

Dari sudut pandang mazhab juga menyatakan ia haram bahkan secara ijmak ulama juga sepakat mengatakan ia haram. Mustafa Muslim ada menyebutkan bahawa menyongsangkan ayat adalah haram berdasarkan pandangan yang rajih kerana susunan ayat al-Quran adalah bersifat *tawqifi* iaitu ia telah ditentukan berdasarkan sandaran syarak (yakni daripada Nabi SAW). (Muslim, 2009; Abdul Rahim, 2016).

Perkara ini dapat dirujuk kepada hadith Shaqiq yang telah berkata (Ibn Abi Shaybah, 2006):

قِيلَ لِعَبْدِ اللَّهِ : إِنَّ فُلَانًا يَقْرَأُ الْقُرْآنَ مَكْوَسًا ، فَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ : ذَلِكَ مَكْوَسُ الْقَلْبِ .

Terjemahan: “Dikatakan kepada ‘Abd Allah; sesungguhnya fulan membaca al-Quran secara songsang (terbalik). Maka ‘Abd Allah berkata: “Demikian itu menyongsangkan hati.”

Ibn Battal menyebutkan bahawa apa yang difahami daripada hadith “*mankus al-Qalb*” iaitu ditujukan kepada orang yang membawa suatu surah secara terbalik (songsang) dengan mula membaca dari akhir ayat ke awal ayat. Perbuatan ini adalah sangat haram. Ada dalam kalangan manusia yang melakukan demikian ketika membaca ayat al-Quran dan juga syair (Arab) bagi melembutkan lidahnya (iaitu bagi membiasakan lidah dengan lenggok bahasa) sehingga mampu dihafalnya. Orang sebegini sangat dilarang daripada melafazkan al-Quran tersebut

kerana boleh membawa kerosakan pada ayat dan surah serta bercanggah dengan matlamat dan tujuan asalnya (Ibn Battal, 2003).

Ibn al-Athir (1979), menyatakan bahawa maksud *mankus al-Qalb* adalah seseorang itu memulakan membaca dari akhir surah sehingga membaca ke awal surah. Ada juga yang menyatakan seseorang itu membaca dari surah terakhir al-Quran, iaitu membaca sesuatu surah sehingga tiba membaca al-Baqarah. Kata Ibn al-Athir ini adalah pandangan Abu 'Ubayd yang sejajar dengan pandangan al-Harawi.

Oleh yang demikian, perbuatan yang menukarkan cara bacaan ayat al-Quran secara songsang atau terbalik adalah diharamkan dan sama sekali tidak dibenarkan kerana telah mengubah kandungan asal al-Quran. Al-Quran adalah kalam Allah, dan tidak semudah-mudahnya untuk dilakukan penukaran cara bacaan melainkan sepenuhnya menerima apa yang diajarkan oleh Nabi SAW. Baginda yang bertindak sebagai penyampai wahyu Allah SWT dan baginda adalah manusia yang lebih layak untuk menentukan keseluruhannya.


Ketiga: Al-Quran atau ayatnya dijadikan sebagai azimat yang digunakan sebagai tangkal atau azimat untuk menolak bala;

Berhubung dengan perkara ini, terdapat segelintir dalam kalangan pengamal pengubatan yang menggunakan tangkal atau azimat daripada ayat al-Quran dalam rawatan yang dijalankan. Ini diperolehi dari beberapa pusat pengubatan Islam di Perak, Kedah, Pulau Pinang, Kelantan dan Terengganu. Tujuannya adalah untuk menjadikan tangkal atau azimat tersebut sebagai pelindung diri daripada gangguan atau sebagai cara untuk mendapatkan berkat atau manfaat atau kelebihan tertentu daripada tangkal atau azimat tersebut. Contohnya dijadikan dalam bentuk stiker atau pelekat bagi kenderaan sebagai pelindung daripada kecurian, atau mengelak daripada kecelakaan jalan raya dan sebagainya. Ada yang dijadikan sebagai pelaris bagi melariskan jualan di kedai dan sebagainya.

Menurut Ismail (2011), penggunaan azimat dan tangkal atau barang-barang hikmat dalam kalangan perawat Islam juga berlaku dengan tujuan bagi pelindung diri, pelaris, pengasih, pendinding dan lain-lain lagi. Barang-barang ini dijual secara terbuka sama ada di lokasi-lokasi tertentu seperti di lokasi-lokasi penjualan ubat-ubatan tradisional di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur atau melalui jualan dalam internet. Menurut beliau lagi, minyak pengasih, minyak senyonyong, minyak buluh perindu, syiling Yasin 3 dan 5 serta pelbagai tangkal dijual kepada orang ramai secara terbuka. Bahkan, minyak dagu pula ditawarkan jualan di internet sebanyak RM 70,000. Apa yang lebih mengelirukan adalah, para perawat tersebut mendakwa barang hikmat tersebut seperti cincin, minyak kasturi, keris telah dibaca dan ditapakan dengan

ayat-ayat Al-Quran. Perkara ini sesuai dengan penerimaan dalam kalangan masyarakat apabila sesuatu itu dikaitkan dengan agama atau ayat-ayat al-Quran itu sendiri.

Kasimin (2009) menyatakan pula, antara bentuk-bentuk alatan atau bahan yang digunakan untuk mendekati jin seterusnya dapat dilakukan sihir adalah seperti penggunaan *wafak*, *tumbal*, tulisan doa yang terpesong, ayat-ayat al-Quran yang diterbalikkan, tangkai ayat-ayat al-Quran yang ditulis secara salah, bentuk rajah, tangkal, azimat dan lain-lain lagi.



Rajah: Wafak (Sebagai Tangkal) yang bersumber dari
<https://bentaratujuh.blogspot.my/2016/01/contoh-contoh-tangkal-azimat-dan-wafak.html>

Dalam satu kertas kerja yang ditulis oleh Kamus (2011), beliau menyebutkan bahawa azimat al-Quran adalah merujuk kepada azimat yang ditulis didalam ayat-ayat al-Quran, nama-nama Allah dan sifat-sifatnya kerana mengharapkan manfaatnya dan keberkatannya. Dalam masalah ini terdapat dua pandangan ulama iaitu ada yang mengharuskan dan ada yang mengharamkan. Kebanyakan ulama mengharamkannya kerana perbuatan ini tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW. Bahkan, tidak ada riwayat yang menyebutkan bahawa Rasulullah SAW memakai tangkal atau memakaikan orang lain tangkal.

Apa yang jelas, Rasulullah SAW dengan tegas melarang pemakaian tangkal kerana ia adalah perbuatan syirik pada Allah SWT. Diriwayatkan daripada ‘Abdullah RA, telah berkata (Abu Dawud, 2000):

سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- يَقُولُ إِنَّ الرُّقَى وَالْتَّمَائِمَ وَالنَّوْلَةَ شِرْكٌ.

Terjemahan: “Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: “*Sesungguhnya jampi, tangkal dan ilmu pengasih adalah syirik.*”

Bahkan, Al-Tumir (1994) dalam kitabnya menyatakan bahawa tindakan menggantungkan al-

Quran pada kanak-kanak atau orang dewasa atau di kereta untuk melindungi daripada kecelakaan, atau dari gangguan makhluk halus seperti jin adalah termasuk dalam amalan bidah. Begitu juga perbuatan menggantungkan ayat-ayat al-Quran seperti surah al-Inshirah di kedai bagi menghindar daripada kecurian adalah jelas dilarang.

Jadi, tidak sepatutnya seseorang perawat yang menjalankan rawatan berasaskan kepada pengubatan Islam menggunakan kaedah rawatan berasaskan tangkal atau azimat. Ia membawa kepada syirik pada Allah SWT dan ia bukan daripada apa yang ajarkan oleh Nabi SAW supaya berserah dan bergantung diri kepada makhluk. Sewajarnya umat Islam menyerah diri dan bertawakal sepenuhnya pada Allah SWT.

Keempat: Naskhah al-Quran atau sebahagian helaianya dijadikan sebagai bahan untuk mendampingi makhluk halus.

Bagi pendekatan ini, ianya juga mempunyai tujuan yang sama seperti yang disebutkan di atas. Cuma bezanya adalah apabila ayat al-Quran itu dalam bentuk tulisan bercetak atau ditulis sendiri telah dijadikan sebagai kaedah bagi mendampingi makhluk halus bagi mendapatkan pertolongan atau membantu ketika proses rawatan yang akan berjalan. Hasil temu bual di salah satu pusat pengubatan Islam di Kedah dan Perak mendapati mereka ada menggunakan jin untuk tujuan rawatan. Mereka berpandangan penggunaan jin dalam rawatan adalah terpulang kepada perawat dengan syarat dia adalah pakar, menjadi tuan kepada jin dan mampu mengawal jin tersebut. Malah ia harus sekiranya jin itu merupakan jin Islam tetapi bukan meminta tolong kepada jin kafir.

Justeru, hal berkenaan penggunaan jin dalam rawatan Islam sememangnya tidak terhad kepada mana-mana perawat dan tidak mengenal latar belakang pendidikan seseorang perawat. Di sini terbukti syaitan mampu mengeliru dan menyesatkan manusia meskipun golongan yang berpendidikan agama. Bahkan penggunaan jin dalam rawatan turut disokong oleh para pnegamal pengubatan yang memiliki kelulusan agama dari IPT dalam dan luar negara (Md Ariffin, 2015). Nabi SAW pernah bersabda:

إن الشيطان ذئب الإنسان كذئب الغنم، يأكل الشاة القاصية، والناحية، فأياكم والشعاب، وعليكم بالجماعة،
والعامة، والمسجد.

*Dari Mu., az bin Jabal: Sesungguhnya Nabi SAW pernah bersabda:
“Sesungguhnya syaitan itu adalah serigala kepada manusia, sebagaimana
serigala yang membaham kambing, Dia akan membaham kambing-kambing
yang terpisah dari kumpulannya. Jauhilah dari berpecah belah, hendaklah
kalian berada di dalam satu jemaah (bersatu padu), orang ramai dan sentiasa
melazimi masjid.” (Hanbal, 1995).*

Setelah diteliti, pengamal yang pro terhadap penggunaan jin dalam rawatan ini adalah dari kalangan ahli tasawuf, tariqat atau golongan kebatinan. Soalnya kini, apakah ukuran “memiliki ilmu dan darjat yang tinggi” yang menjadi garis panduan seseorang perawat untuk menguasai jin? Adakah dengan mempelajari ilmu tasawuf dalam tariqat, perawat dapat menundukkan jin? Adakah manusia “mampu” menguasai dan mengawal jin meskipun jin Islam?

Dari sudut perbahasan agama, penggunaan jin dalam rawatan yang dijalankan oleh para pengamal pengobatan itu disebut sebagai *istighathah*. Hukumnya haram dan telah diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia. *Istighathah* dengan kuasa ghaib yang bertujuan untuk perubatan dan selainnya sudah lama wujud dalam budaya masyarakat Melayu. Amalan ini diwarisi dari masyarakat purba dan ajaran Hindu. Mereka percaya pada semangat, jin dan syaitan boleh memberi kebaikan dan kemudaratannya pada manusia (Dakir & Wan Ali, 2010).

Antara ucapan *istighathah* yang dilarang ialah meminta tolong dengan berkata seperti “Wahai jembalang air, tolonglah saya dan lepaskan saya dan mereka dari kesusahan dan penyakit. *Istighathah* kepada selain Allah (s.w.t) seperti kepada roh orang yang telah mati atau memohon kesembuhan di kuburan wali atau alim ulama ialah budaya syirik sedangkan orang yang mati itu sudah terputus hubungan dengan orang masih hidup. Nabi (s.a.w) pun pernah bersabda:

*Apabila mati seorang anak Adam, terputus segala amalannya kecuali tiga
benda, sedekah jariah, ilmu yang memberi manfaat kepada orang lain, dan anak
soleh yang sentiasa mendoakan kepadanya.*

(Abu Dawud, 2000)

Bagi hal penyalahgunaan al-Quran didapati ada yang meletakkan sebuah al-Quran kecil bersaiz seperti 5sm x 7sm untuk diletakkan pada ruang yang ditebuk pada tapak kasut dengan tujuan

supaya setiap kali memakai kasut tersebut, orang itu akan melakukan penghinaan terhadap al-Quran yang membawa kepada kufur. Perbuatan sedemikian, akhirnya menarik minat makhluk halus untuk berdamping kerana kekufuran yang dilakukan. Ada juga yang meletakkan satu atau dua lembaran al-Quran pada tempat najis dengan niat untuk menghina al-Quran itu, supaya makhluk halus akan lebih suka untuk berdamping seterusnya membantu pekerjaan pengamal pengubatan atau perawat tersebut.

Sedangkan dalam al-Quran dengan jelas telah melarang manusia memohon pertolongan kepada makhluk jin sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Jinn (72) ayat 6.

وَأَنَّهُ كَانَ رِجَالٌ مِنَ الْإِنسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِنَ الْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهَقًا

Terjemahan: *“Dan bahawasanya ada beberapa orang lelaki di kalangan manusia meminta perlindungan kepada beberapa lelaki di kalangan jin, maka jin-jin itu menambahkan bagi mereka dosa dan kesalahan.”*

Oleh yang demikian, perbuatan menghina al-Quran dengan tujuan bagi mendapatkan pertolongan daripada makhluk halus (jin) dengan tujuan tertentu seperti membantu dalam rawatan, pelindung dan sebagainya adalah termasuk dalam perbuatan yang diharamkan (Al-Qurtubi, 1996). Manakala menurut Ibn Kathir (1998), الْجِنَّ di sini dalam bentuk *ma‘rifah* sehingga ia memberikan makna umum, iaitu semua jenis jin sama ada jin baik (muslim) mahupun jin kafir.

Al-Sa‘di (1997) menjelaskan, frasa فَزَادُوهُمْ memiliki dua kemungkinan. Kemungkinan pertama *fa‘il*nya dituju kepada رِجَالٌ مِنَ الْإِنسِ dan هُمْ dituju kepada jin. Maknanya perbuatan tersebut akan menambahkan dosa dan keburukan bagi jin yang dimintai bantuan. Ini kerana ia akan menjadikan jin tersebut sombong, merasa dirinya hebat dan semakin suka memperdaya manusia. Sementara kemungkinan kedua *fa‘il*nya dituju kepada رِجَالٍ مِنَ الْجِنِّ dan هُمْ dituju kepada manusia. Maknanya perbuatan tersebut menambahkan dosa dan keburukan bagi manusia yang meminta bantuan, kerana telah meminta bantuan kepada selain Allah. Ini menjadikan manusia itu orang yang sentiasa was-was dan takut dengan gangguan jin. Jadi, penggunaan jin secara tidak langsung telah menjadi fitnah yang akan menghilangkan keyakinan dan kebolehterimaan masyarakat terhadap pusat pengubatan Islam sekaligus membantutkan perkembangannya di Malaysia.

5.0 KESIMPULAN

Pusat pengubatan Islam adalah merupakan suatu tempat yang menjalankan kegiatan merawat dan menyediakan perkhidmatan rawatan penyakit serta menjadi tumpuan orang ramai untuk mencari ikhtiar kesembuhan. Perkhidmatan rawatan ini dijalankan berlandaskan lunas-lunas agama Islam. Secara umumnya, perubatan alternatif Islam adalah berasaskan pada ciri-ciri berikut; pertama menggunakan bacaan atau jampi dari jenis ruqyah yang bersumberkan al-Quran, sunnah dan doa-doa yang baik, kedua mempunyai kaedah dan teknik rawatan mengikut ajaran Nabi SAW atau tidak bercanggah dengan syariat dan tidak meragukan, ketiga menggunakan bahan-bahan rawatan tertentu yang bersih dan suci, bukan dari jenis bahan yang diharamkan atau najis, keempat menitikberatkan syariat Islam dalam setiap aspek praktikal rawatan seperti pemeliharaan aurat wanita, tidak bersendirian antara perawat lelaki dan pesakit wanita, mengamalkan konsep membantu sesama Muslim dan sebagainya.

Meskipun begitu, terdapat pengamal pengubatan Islam tersebut menyalahgunakan ayat al-Quran dari pelbagai aspek seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Pendedahan sedikit sebanyak tentang realiti tersebut diharap dapat membuka mata masyarakat umum. Oleh itu, menjadi tanggungjawab pihak berwajib untuk menasihati dan menyedarkan mereka dari melakukan kesilapan dan mendapat dosa kerana tersilap memberi rawatan yang tidak menepati syariat. Sebenarnya pusat pengubatan Islam di Malaysia memiliki potensi besar untuk dikembangkan bahkan mampu melangkaui sempadan negara. Kini, ia tumbuh bagai cendawan kerana didasari atas pelbagai alasan dan tujuan daripada pengasas yang datang dari pelbagai latar belakang.

Sehubungan dengan itu, masyarakat hendaklah sentiasa berhati-hati, bijak menilai, berwaspada dalam setiap tindakan dan amalan agar tidak terjebak dengan amalan syirik yang membinasakan semasa mencari kesembuhan. Pastikan kesembuhan itu datangnya dari reda Allah SWT dan bukannya dari jin. Tidak boleh sama sekali berubat dengan perkara yang meragukan dan apabila ditanya kepada pesakit-pesakit di pusat pengubatan Islam, maka tidak ada seorang pesakit pun yang suka dirawat oleh jin. Justeru bagi umat Islam, jangan sekali-kali mudah terpedaya dengan seseorang yang boleh melakukan sesuatu perkara 'luar biasa' sehinggakan terus menganggap beliau sebagai tok wali dan keramat. Dalam masa yang sama ini tidak menafikan bahawa terdapatnya 'bomoh' atau pengamal pengubatan Islam yang melaksanakannya dengan ayat-ayat suci al-Quran yang tepat. Justeru, sebelum berjumpa dengan mana-mana pengamal perubatan tradisional, hendaklah terlebih dahulu dipastikan bahawa beliau seorang yang berilmu serta tahu hukum-hakam agama dengan baik.

PENGHARGAAN

Kajian ini mendapat peruntukan dana penyelidikan dari geran penyelidikan Universiti Malaya iaitu SG003B-18HNE.

REFERENCES

- Abdul Ghani, M. (2004). *Penggunaan ayat al-Quran dalam bidang perubatan: Kajian di Darussyifa', Bangi*. (Kajian disertasi sarjana). Fakulti Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya.
- Abdul Rahim, M. H. (2016). *Keserasian fasilah al-Qur'an: Kajian dari aspek ilmu munasabat*. (Tesis doktor falsafah). Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abdullah, M. (2017). Kepelbagaian tafsiran dalam memahami nas al-Quran: Tumpuan terhadap beberapa isu agama di Malaysia. Dalam Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani, Mohammad Zaini Yahaya & Anwar Fakhri Omar (Eds.), *Proceeding International Conference on Islamic Jurisprudence (ICIJ) 2016* (pp. 470-484). Bangi: Department of Shariah, Faculty of Islamic Studies, The National University of Malaysia.
- Abu Dawud, S. (2000). *Sunan Abi Dawud*. Riyadh: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ahmad, K. (2016). Al-Quran sebagai sumber utama rawatan pengubatan alternatif Islam. Dalam Sedek Ariffin (Ed.), *Tadabbur al-Quran: Isu dan cabaran semasa* (pp. 1-24). Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, APIUM.
- Ahmad, K., Yusuf, A., & Md Ariffin, M. F. (2014). Hala tuju pengubatan alternatif berteraskan islam di Malaysia: Kajian persepsi pengamal perubatan. *Al-Basirah Journal*, 4(6), 109-134.
- Al-'Azim, A. (1969). *'Awn al-Ma'bud Sharh Sunan Abi Dawud*. al-Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiyyah.
- Al-Buti, S. R. (1991). *Fiqh Sirah Nabawiyyah*. Beirut: Dar al-Fikri.
- Al-Fifi, M. (t.t.). *Ahadith al-Sihr wa al-Ruqiyyah fi al-Kutub al-Sittah: Riwayah wa Dirayah*. (Tesis di al-Jami'ah al-'Alamiyyah al-Amrikiyyah). American's International University, Beirut.
- Al-Hiss, R. A. (2011, Jun 16). Isu murtad: Kenapa PERKASA senyap? *Malaysiakini*. Dicapai dari <https://www.malaysiakini.com/letters/167124>
- Al-Qurtubi, A. M. (1996). *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Sa'di, S. (1997). *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan* (Edisi ke-3). t.tp: Mu'assasah al-Risalah.

- Al-Tibrizi, M. (1985). *Mishkah al-Masabih*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Tumir, A. N. (1994). *Shifa' al-Rahman li al-Sihr wa al-Hasad wa Amrad al-Jinn*. Mesir: Dar al-Rawdah.
- Arrahmah, A. (2014). Menyalahgunakan ayat-ayat al-Quran dalam lirik lagu. Dicapai dari <https://www.annahmah.com/2014/03/14/menyalahgunakan-ayat-ayat-al-quran-dalam-lirik-lagunya-girl-band-korea-2ne1-dikecam/>
- Baca ayat al-Quran pada produk. (2016, July 3). *Malaysiandigest*. Dicapai dari <http://malaysiandigest.com/bahasa-malaysia/611736-peniaga-bacakan-ayat-al-quran-pada-produk-kelirukan-pengguna-islam.html>
- Baharuddin, A. (1993). *Unsur rasional dan spiritual di dalam perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Dakir, J., & Wan Ali, W. A. (2010). *Sunnah & bidaah dalam amalan orang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hanbal, A. (1995). *Al-Musnad Imam Ahmad bin Muhammad bin Hanbal*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Hassan, Z. (2013). Memahami isu Islamofobia: Antara persepsi dan realiti. Dicapai dari <https://zulkiflihasan.wordpress.com/2013/10/05/memahami-isu-islamofobia-antara-persepsi-dan-realiti>
- Ibn Abi Shaybah. (2006). *Musannaf Ibn Abi Shaybah*. al-Makkah al-Mukarramah: Sharikah Dar al-Qiblah.
- Ibn al-Athir. (1979). *al-Nihayah fi Gharib al-Hadith*. Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah.
- Ibn Battal. (2003). *Sharh Sahih al-Bukhari*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Ibn Kathir. (1998). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ibn Majah. (1417H). *Sunan Ibn Majah*. al-Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ismail, M. (2011). Penyelewengan akidah dan syariat dalam perkhidmatan rawatan alternatif: Isu kepenggunaan & akidah umat Islam. *Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Hukum Islam Semasa VII anjuran Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, pada 14-15 Disember*.
- Kamarul, A. J., & Che Noh, M. A. (2013). Sejarah, kaedah, serta model pengajaran dan pembelajaran al-Quran [History, methods, and models of teaching and learning of the Quran]. *Dalam Bengkel Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) al-Quran SRA JAWI (Remedial and Enrichment Workshop for Teaching and Learning Quran SRA JAWI), 28-29 October 2013*. Kuala Lumpur: Masjid Negara.

- Kamus, I. (2011). *Perkara yang membawa kepada penyelewengan akidah dalam pengubatan Islam*. Selangor: JAIS.
- Kasimin, A. (2009). *Sihir suatu amalan kebatinan*. Bangi, Selangor: Penerbit UKM.
- Md Ariffin, M. F. (2013). Seni pengubatan alternatif di Malaysia: Analisis permasalahan metode rawatan. *Global Journal Al-Thaqafah*, 3(2), 79-90.
- Md Ariffin, M. F. (2015). Pusat perubatan alternatif islam di Malaysia: Persepsi perawat terhadap aplikasi jin dalam rawatan. *Journal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 9(1), 61-86.
- Muslim, M. (2009). *Mabahith fi Tafsir al-Mawdu'i*. Damshiq: Dar al-Qalam.
- Osman, S. (2019). Penggunaan unsur Islam dalam perniagaan: Analisa dari perspektif syariah. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 1(17), 39-51.
- Tindakan salah guna ayat. (2011, April 7). *Theborneopost*. Dicapai dari <http://www.theborneopost.com/2011/04/07/tindakan-ke-atas-pihak-salah-guna-ayat-al-quran/>
- Yahya, R. (2018, July 29). KPDNHEP serbu 'food truck' didakwa salah guna ayat al-Quran. *Utusan Online*. Dicapai dari <https://m.utusan.com.my/berita/wilayah/kl-putrajaya/kpdnhep-serbu-food-truck-didakwa-salah-guna-ayat-al-quran-1.937321>